

Mahathir seru Sirim selidik juga teknologi pengeluaran

SHAH ALAM, Selasa — Institut Piawalan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) digesa membuat penyelidikan bukan sahaja mengenai kualiti bahkan juga teknologi pengeluaran secara besar-besaran. Gesaan tersebut dibuat

oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas mendengar taklimat mengenai peranan SIRIM di kompleksnya oleh Pengawal SIRIM, Encik Abdullah bin Mohd. Yusof di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menggesa SIRIM memajukan dengan luas pengeluaran sumber air bawah tanah dan

penggunaan sumber tenaga dari cahaya matahari.

Katanya, penggunaan tenaga solar sepatutnya digunakan dengan luas di Malaysia bukan oleh negara-negara lain di barat.

"Kita juga perlu mengkaji kemungkinan menggunakan mini hydro-eletrik dengan luas memandangkan harga minyak petrol terus meningkat sekarang ini," tegas beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan betapa perlunya SIRIM memajukan perusahaan tradisional Melayu supaya dapat menampung pasaran antarabangsa.

Sebagai contoh, katanya, perusahaan batik atau pertukangan perak yang ujud sekarang tidak akan maju jika tidak dicari jalan untuk pengeluaran secara besar-besaran.

Beliau menggesa ahli penyelidik SIRIM supaya bersikap kritikal — melihat sesuatu dengan mempunyai anggapan ia boleh diperbaiki lagi.

Katanya, Malaysia seharusnya tidak menerima apa yang direka oleh negara Barat itu sudah tepat kerana mereka membuat sesuatu mengikut cuaca dan keadaan negaranya yang tidak sama dengan Malaysia.

"Hampir 90 peratus yang direka oleh Barat sekarang, sama ada kereta atau sebagainya, adalah tidak begitu sesuai dengan iklim dan keadaan negara ini," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir membidas golongan yang menerima apa saja dibuat oleh Barat sebagai terbaik.

Sementara itu, Encik Abdullah dalam taklimatnya berkata, SIRIM akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan negara melalui penyelidikan dan piawalan.

Katanya, pihaknya kini berjaya memproses serkam padi dijadikan simen dan harga pengeluarannya 20 peratus lebih rendah dari harga simen biasa.

SIRIM juga sedang mengkaji kegunaan hampas-hampas kelapa sawit, ubikayu dan makanan untuk dijadikan makanan binatang dan arang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia